



Dr Mahathir bersama Aliasak (kiri) dan Pemangku Timbalan Presiden PKPKM, Meor Harun Meor Osman selepas merasmikan Mesyuarat Agung Dwitahunan Ke-22 Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia, di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Mohd Yusni Ariffin/BH)

Perkasa koperasi luar bandar: PM

Perancangan teliti bantu pekebun kecil lebih progresif, berdaya saing

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad mahu fungsi institusi koperasi diperkukuhkan semula di negara ini, sebagai wadah pembangunan pekebun kecil.

Perdana Menteri berkata, fungsi koperasi perlu diperbaharui dengan kementerian dan agensi berkaitan memainkan peranan memartabatkan semula institusi berkenaan.

“Seperti yang kita sedia maklum, pembangunan koperasi di Malaysia masih lagi berada pada

tahap rendah berbanding negara maju yang lain.

“Oleh itu, langkah menyeluruh perlu diambil, termasuk merancang strategi membangunkan koperasi, memantau koperasi secara berkala dan menyediakan latihan kepada semua pengurus koperasi serta ahlinya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Dwitahunan Ke-22 Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) di sini, semalam.

Dr Mahathir yakin dengan pelan rancangan yang baik dan komitmen pelaksanaan tinggi daripada semua pihak, koperasi luar bandar mampu diperkasa dan menjadi institusi utama dalam membentuk pekebun kecil yang progresif dan berdaya saing.

Pada sidang media selepas itu, Perdana Menteri menjelaskan bahawa percantuman ladang kecil, mampu membantu pekebun

kecil meraih pendapatan serta pulangan yang sewajarnya.

Justeru, beliau menyarankan supaya satu badan pengarah terdiri daripada pemilik tanah dan pengarah bebas diwujudkan.

“Pengarah akan bersidang untuk menyemak pengurusan ladang beberapa kali setahun. Pengarah akan menentukan keuntungan dan agihan kepada pemilik.

“Jika cantuman ladang kecil ini berlaku, perlu ada pengurus yang profesional dan sebab itu badan pengarah ini penting supaya dapat mengawasi rancangan dan pelbagai lagi berkaitan ladang,” katanya.

Beliau berkata, sebagai contoh langkah percantuman ladang kecil sudah dimulakan membabitkan pesawah padi di Pulau Langkawi, Kedah.

“Sebahagian pesawah ini bersejua mencantumkan sawah mereka dalam usaha menjana pendapatan dan keuntungan yang lebih tinggi,” katanya.

BH - 18/10/2019 m/s: 2